

05/06/2003

Ketua badan perhubungan negeri bahas usul

IPOH: Semua ketua badan perhubungan Umno negeri akan membahaskan usul ucapan terima kasih atas ucapan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agungnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 18 Jun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata ini kali pertama perkara itu dilakukan kerana sebelum ini semua usul perbahasan berkenaan dibuat oleh perwakilan yang dipilih badan perhubungan negeri masing-masing.

"Perhimpunan Agung Umno kali ini berlainan dari masa lalu kerana difahamkan semua ketua badan perhubungan negeri menjadi wakil bagi membahaskan ucapan terima kasih kepada ucapan Presiden.

"Kali ini semua Menteri Besar akan bercakap," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai usul yang akan dibawa Badan Perhubungan Umno Perak pada Perhimpunan Agung Umno yang bermula dari 17 hingga 21 Jun ini.

Tajol Rosli yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Perak berkata, 270 perwakilan dari 23 bahagian Umno di negeri itu akan menghadiri perhimpunan agung berkenaan.

Katanya, perasmian mesyuarat bagi Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno akan diadakan pada sebelah malam, 17 Jun ini.

Mengulas usul yang akan dibawa perwakilan Umno Perak, Tajol Rosli berkata, perkara itu akan hanya diputuskan pada mesyuarat khas Badan Perhubungan Umno negeri, yang akan diadakan sebelum perhimpunan agung berkenaan.

"Umno Perak mungkin akan cakap mengenai Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

"Kita akan membincangkan dari segi kesannya kepada seluruh negara dan mungkin kita akan minta Kerajaan Pusat membantu dalam industri pelancongan negeri," katanya.

Tajol Rosli berkata, bagi usul pendidikan dan agama, wakil Badan Perhubungan Umno Perak akan menyentuh isu sekolah agama rakyat (SAR).

Ditanya sama ada pada Perhimpunan Agung Umno itu akan dibincangkan mengenai persempadanan semula kawasan pilihan raya, Tajol Rosli berkata, perkara itu tidak perlu dibuat kerana ia sudah dibincangkan di Parlimen.

"Ia akan dibincangkan di Dewan Undangan Negeri," katanya.